



**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA KUALITI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JKK UPM)
KALI KE-40**

Tarikh : 10 Julai 2018 (Selasa)
 Masa : 9.00 Pagi
 Tempat : Dewan Senat, Aras 1, Bangunan Canselori Putra,
 Universiti Putra Malaysia (UPM)
 Kehadiran : **Lampiran A**

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
Minit 40.0	<p>Kata Aluan Pengerusi</p> <p>Pengerusi:</p> <p>(a) memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya merakamkan ucapan terima kasih atas kehadiran Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS), TWP Peneraju Proses (PP) dan TWP Pusat Tanggung Jawab (PTJ) serta wakil yang hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-40 ini;</p> <p>(b) merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan tiga (3) TWP yang baharu seperti berikut:</p> <p>(i) Dr. Mariani Ho Nyuk Onn @ Ariffin selaku TWP EMS bagi tempoh dua (2) tahun berkuatkuasa pada 16 April 2018;</p> <p>(ii) Puan Zenaida Md Zenon selaku TWP Fakulti Rekabentuk dan Senibina bagi tempoh dua (2) tahun berkuatkuasa pada 4 Mei 2018; dan</p> <p>(iii) Puan Farah Deena Zainol selaku TWP Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia bagi tempoh dua (2) tahun berkuatkuasa pada 24 April 2018.</p> <p>(c) turut merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas jasa dan sumbangan Mantan TWP berikut:</p> <p>(i) Prof. Madya Dr. Mohd Amran Mohamad Salleh, Mantan TWP EMS bermula lantikan pada 24 Oktober 2012 hingga 15 April 2018;</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
<p>Minit 40.1</p>	<p>(ii) Tuan Haji Malek Simon, Mantan TWP Fakulti Rekabentuk dan Senibina bermula lantikan pada 3 Januari 2013 hingga 3 Mei 2018; dan</p> <p>(iii) Encik Mohd Nadzri Mohd Nor, Mantan TWP Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia bermula lantikan pada 1 April 2016 hingga 23 April 2018.</p> <p>Pengesahan Minit Mesyuarat JKK Kali ke-39</p> <p>Minit Mesyuarat JKK Kali ke-39 yang telah diadakan pada 10 April 2018 disahkan tanpa sebarang pindaan.</p>	<p>Makluman</p>
<p>Minit 40.2</p>	<p>Perkara-perkara Berbangkit</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan meneliti Status Tindakan Susulan Mesyuarat JKK Kali ke-39 seperti mana pada Lampiran Agenda 3.0 yang telah dibentang. Mesyuarat seterusnya mengambil perhatian terhadap perkara berikut:</p> <p>(a) <u>Minit 39.2 (a)</u> – mengambil maklum bahawa markah pencapaian petunjuk prestasi bagi penilaian pembekal dengan skala kurang memuaskan telah dinaikkan daripada 50% kepada 60% bermula penilaian pada April 2018.</p> <p>(b) <u>Minit 39.8.2 (b)</u> – Mesyuarat dimaklumkan surat arahan supaya melantik TWP PTJ sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko PTJ telah dikemukakan kepada semua Ketua PTJ dan semua TWP diminta membuat semakan berkaitan perkara ini bagi tujuan pelantikan tersebut. Bagi memastikan pelaksanaan pengurusan risiko yang lebih berkesan, mesyuarat bersetuju dengan beberapa cadangan pelaksanaan berikut:</p> <p>(i) Pejabat Naib Canselor menerusi Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi mengadakan latihan berkaitan pengurusan risiko UPM kepada semua TWP PTJ; dan</p> <p>(ii) memasukkan perkara berkaitan pengurusan risiko sebagai salah satu agenda tetap dalam Mesyuarat Pengurusan PTJ.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>TWP PP, TWP PTJ</p> <p>TWP PNC</p> <p>TWP PP, TWP PTJ</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
Minit 40.3	<p data-bbox="395 230 1161 266">Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2015</p> <p data-bbox="395 304 1066 340">40.3.1 Laporan Pencapaian Objektif Kualiti</p> <p data-bbox="528 383 1262 748">Mesyuarat mengambil maklum laporan pencapaian objektif kualiti MS ISO 9001:2015 bagi tempoh Januari hingga Jun 2018 adalah seperti pada Lampiran Agenda 4 (a) yang dibentang. Menerusi keperluan Klausula 6.2.1 dan 5.1 Standard MS ISO 9001:2015, UPM telah mengenalpasti tiga (3) kategori objektif kualiti yang akan menterjemahkan pencapaian yang dihasratkan pada fungsi, peringkat dan proses yang relevan menerusi Sistem Pengurusan Kualiti, iaitu:</p> <p data-bbox="528 790 1066 826">(a) Petunjuk Prestasi Utama (KPI)</p> <p data-bbox="612 869 1262 1122">Mesyuarat mengambil maklum laporan pencapaian Q2 tahun 2018 bagi 34 KPI UPM hanya akan dibentangkan dalam Bengkel Pencapaian KPI pada 19 Julai 2018 dan pelaporan mengenainya akan dibawa pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM akan datang.</p> <p data-bbox="528 1164 1262 1238">(b) Pelan Fungsian dan Aras (Januari hingga Jun 2018)</p> <p data-bbox="612 1281 1262 1462">(i) Mesyuarat mengambil maklum sebanyak 49 proses yang melibatkan sebanyak 66 petunjuk prestasi yang mempunyai sasaran pencapaian telah dinilai dalam tempoh penilaian, iaitu:</p> <ul data-bbox="703 1505 1262 1955" style="list-style-type: none"> • 40 petunjuk prestasi mencapai sasaran; • 11 petunjuk prestasi tidak mencapai sasaran; • Tujuh (7) petunjuk prestasi tidak dapat diukur kerana tempoh pengukuran belum lengkap; • Tujuh (7) petunjuk prestasi tidak dapat diukur kerana maklumat tidak lengkap; dan • Satu (1) petunjuk prestasi dengan cadangan untuk digugurkan. 	<p data-bbox="1307 383 1469 418">Makluman</p> <p data-bbox="1307 869 1469 904">Makluman</p> <p data-bbox="1307 1281 1469 1317">Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(ii) Mesyuarat bersetuju dengan cadangan untuk menggugurkan petunjuk prestasi 'Peratusan pengisian kouta biasiswa yang diperuntukkan oleh KPM (Cuti Belajar)' atas justifikasi petunjuk prestasi ini tidak relevan kerana perkara ini adalah faktor luar kawalan di mana pengisian kuota biasiswa adalah tertakluk kepada kelulusan KPM.</p> <p>(iii) Mesyuarat meminta Peneraju/PTJ yang terlibat melaksanakan kawalan ketakakuran/tindakan pencegahan/penambahbaikan terhadap petunjuk prestasi pelan fungsian dan aras yang tidak mencapai sasaran dan juga melengkapkan maklumat bagi pencapaian petunjuk prestasi yang tidak lengkap.</p> <p>(c) Piagam Pelanggan (Januari hingga Jun 2018)</p> <p>(i) Mesyuarat mengambil maklum sebanyak 19 daripada 25 Piagam Pelanggan Proses Utama mencapai sasaran, empat (4) tidak mencapai sasaran, satu (1) masih belum boleh diukur dan satu (1) dicadang untuk digugurkan. Manakala bagi Piagam Pelanggan Proses Sokongan dan Operasi Perkhidmatan Sokongan, 89 mencapai sasaran, 17 tidak mencapai sasaran dan 12 masih belum boleh diukur.</p> <p>(ii) Mesyuarat meneliti dan bersetuju supaya piagam pelanggan proses utama (prasiswazah) iaitu 'Memaklumkan keputusan pengecualian kursus kepada pelajar selewat-lewatnya pada hari terakhir minggu ke-4 semester selepas penerimaan permohonan lengkap daripada fakulti (untuk kursus antara universiti) dan daripada pelajar</p>	<p>TWP Pej. Pendaftar</p> <p>TWP SPS, TWP TNCPI, TWP PNC, TWP iDEC, TWP Pej. Pendaftar, TWP PSAS, TWP TPU, TWP PIU, TWP PPKSSAAS</p> <p>Makluman</p> <p>TWP TNCAA</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(untuk kursus dalaman antara fakulti)' tidak akan digugurkan sebaliknya dikekalkan bagi tujuan pemantauan.</p> <p>(iii) Mesyuarat meneliti dan meminta Peneraju/PTJ yang terlibat melaksanakan kawalan ketakakuran/tindakan pencegahan/penambahbaikan terhadap piagam pelanggan yang tidak mencapai sasaran dan juga melengkapkan maklumat bagi piagam pelanggan yang tidak lengkap.</p> <p>40.3.2 Perubahan Isu Dalaman dan Isu Luaran yang Memberi Kesan Kepada Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum:</p> <p>(a) laporan perubahan isu dalaman dan isu luaran yang memberi kesan kepada QMS adalah sepertimana pada Lampiran Agenda 4 (b) yang telah dibentangkan.</p> <p>(b) perubahan isu dalaman dan isu luaran dilaksanakan dengan merujuk kepada keputusan keberkesanan tindakan dan penilaian risiko, iaitu keputusan/tindakan terhadap risiko setelah strategi tindakan dilaksanakan, dan mendapat keputusan tahap risiko rendah dan terkawal atau menghapus punca risiko. PTJ boleh mengambil keputusan untuk meneruskan pemantauan terhadap isu tersebut atau menggugurkan isu tersebut dan membuat penambahan sekiranya terdapat isu baharu</p>	<p>TWP PNC, TWP TNCAA, TWP SPS, TWP TNCHEPA, TWP Pej. Bursar, TWP Pej. Pendaftar, TWP PPPA, TWP PENERBIT, TWP TNCJIM, TWP PKU, TWP PIU, TWP i- PUTRA, TWP PASP, TWP TPU, TWP KOLEJ</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>berikutan perubahan dasar, peraturan dan sebagainya.</p> <p>(c) terdapat sebanyak 381 isu dalaman dan 145 isu luaran yang melibatkan semua PTJ di UPM. Semakan terhadap isu dalaman dan isu luaran menunjukkan bahawa tiada perubahan isu berasaskan kepada maklumat/data jumlah penyataan risiko mengikut tahap risiko selepas strategi tindakan dilaksanakan iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Risiko Tinggi – 21; (ii) Risiko Sederhana – 57; dan (iii) Risiko Rendah – 92 <p>(d) meminta semua TWP mengambil perhatian dan tindakan berhubung perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Isu yang berada pada tahap risiko tinggi dan sederhana masih perlu dipantau keberkesanan strategi tindakan; dan (ii) Isu yang berada pada tahap risiko rendah dicadang untuk untuk dibuat pemantauan secara berterusan bagi mengawal risiko supaya kekal rendah. 	<p>Makluman</p> <p>TWP PP, TWP PTJ</p>
	<p>40.3.3 Keberkesanan Tindakan Bagi Menyatakan Risiko dan Peluang Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum:</p> <p>(a) laporan keberkesanan tindakan bagi menyatakan risiko dan peluang Sistem Pengurusan Kualiti adalah sepertimana pada Lampiran Agenda 4 (c) yang telah dibentang.</p> <p>(b) keberkesanan tindakan bagi mengawal risiko adalah merujuk kepada penilaian yang dibuat terhadap strategi tindakan yang dinyatakan pada Dokumen Skop Pengurusan Kualiti, Pihak Berkepentingan dan Isu Dalaman & Isu Luaran serta Penyataan Risiko PTJ adalah seperti pada paparan Portal eISO UPM.</p> <p>(c) keputusan terhadap risiko selepas strategi tindakan dilaksanakan dan perlu diambil tindakan adalah sepertimana berikut:</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>TWP PP, TWP PTJ</p>

MINIT	AGENDA			TINDAKAN
	Keputusan	Tindakan PTJ	Jumlah risiko	
	Terima/Tolak Ansur	Strategi tindakan terus diambil bagi memastikan keberkesanan tindakan.	211	
	Rawat/Kurangkan	Tiada	0	
	Pindah/Kongsi	PTJ perlu kemukakan persetujuan dipindah/dikongsi dengan PTJ dinyatakan kerana akan berlaku perubahan pada senarai isu pada PTJ yang akan dipindah/dikongsi risiko tersebut.	39	
	Hapus/Tolak	Diteliti kembali memandangkan keputusan disebabkan oleh kekangan sumber manusia	6	
	Belum Nilai	Penilaian dibuat berasaskan kenyataan cadangan pelaksanaan penilaian	265	
	<p>(d) pemantauan keberkesanan tindakan menyatakan risiko akan dibuat melalui siri bengkel yang dijadualkan pada September/Oktober 2018 dan laporan penilaian keseluruhan kawalan risiko 2018 akan dibentang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Pertama tahun 2019.</p> <p>(e) pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang merupakan pernyataan peluang (risiko positif) akan dibincang dalam Bengkel KPI Q2 pada 19 Julai 2018 dan tindakan kawalan serta penambahbaikan bagi KPI yang tidak mencapai sasaran akan direkodkan agar UPM dapat mencapai sasaran yang ditetapkan pada tahun 2018.</p>			<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>40.3.4 Laporan Dokumentasi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum laporan dokumentasi QMS adalah sepertimana Lampiran Agenda 4 (d) yang telah dibentang iaitu berkaitan maklumat statistik dokumen yang belum dipinda sejak 2011 hingga 2014.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum berdasarkan semakan terakhir selepas kuatkuasa dokumen pada 29 Jun 2018, masih terdapat sebanyak 596 dokumentasi yang belum pernah dipinda/disemak sejak tahun 2011 hingga 2014 yang merangkumi Prosedur, Arahan Kerja dan Garis Panduan dan Dokumen Sokongan Lain.</p> <p>(c) Mesyuarat meminta peneraju yang terlibat membuat semakan dan pindaan dokumen seberapa segera memandangkan satu laporan ketakakuran telah dicatatkan semasa Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti tahun 2018 dibawah aspek pemantauan semakan dokumen secara berkala (klausu 7.5.2) berkaitan perkara ini selain untuk memastikan dokumen yang digunapakai masih relevan dengan pelaksanaan terkini.</p> <p>(d) Mesyuarat mencadangkan semakan berkaitan dokumen yang belum disemak bagi tempoh 2011 hingga 2014 dilaksana di bawah penyelarasan Timbalan Pengarah Pusat Jaminan Kualiti.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>TWP PP yang berkenaan (Rujuk Lampiran 2 pada Agenda 4 (d))</p> <p>TP CQA</p>
	<p>40.3.5 Laporan Pemantauan Penutupan Penemuan Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum laporan pemantauan penutupan Audit Dalaman QMS bagi tahun 2018 adalah seperti pada Lampiran Agenda 4 (e) yang dibentang.</p> <p>(b) mengambil maklum audit yang dijalankan pada 26 Mac hingga 5 April 2018 telah mencatatkan sebanyak 147 Laporan</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>Ketakakuran (NCR) dan 151 Peluang Penambahbaikan (OFI).</p> <p>(c) mengambil maklum pemantauan bagi penutupan penemuan audit dalaman dibuat melalui 2 saluran:</p> <p>(i) Pemakluman dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti secara berkala dan dijadikan sebagai agenda; dan</p> <p>(ii) Emel pelaksanaan tindakan kepada semua Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) dan Timbalan Penyelaras Audit (TPAD).</p> <p>(d) mengambil perhatian berhubung tindakan yang akan dilaksanakan bagi menjawab punca penyebab NCR berkaitan bukti tindakan pembetulan penemuan audit dalaman 2017 yang tidak dilaksanakan oleh PTJ menerusi PortalCQA adalah sepertimana berikut:</p> <p>(i) Kesedaran/kefahaman kepada TWP dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti – Sasaran tindakan 10 Julai 2018; dan</p> <p>(ii) Kesedaran/kefahaman kepada TPAD melalui perjumpaan bersama semua TPAD PTJ – Sasaran tindakan 30 November 2018.</p> <p>(e) mengambil maklum dan tindakan selanjutnya berhubung tatacara penutupan Audit Dalaman menerusi Portal CQA sepertimana berikut:</p> <p>(i) Masuk ke sistem dengan menggunakan UPMID;</p> <p>(ii) Input Pelan Tindakan (NCR)/pelaksanaan tindakan (OFI) dalam PortalCQA;</p> <p>(iii) Laksana tindakan berdasarkan pelan tindakan yang dinyatakan dalam PortalCQA;</p> <p>(iv) Muatnaik bukti tindakan dalam PortalCQA;</p>	<p>Makluman</p> <p>PAD</p> <p>TWP PP, TWP PTJ</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(v) Hubungi Juruaudit Dalaman yang mengeluarkan NCR atau OFI bagi tujuan penutupan penemuan audit; dan</p> <p>(vi) Laporan Status Penemuan Audit Dalaman PTJ dalam Mesyuarat Pengurusan PTJ.</p> <p>40.3.6 Laporan Audit Pensijilan Semula oleh SIRIM Tahun 2018</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Audit Pensijilan Semula oleh SIRIM QMS Tahun 2018 adalah seperti pada Lampiran Agenda 4 (f) yang dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum sebanyak satu (1) NCR dan 29 OFI direkod sepanjang proses audit yang telah dilaksanakan pada 21 hingga 25 Mei 2018 di UPM Kampus Serdang dan Bintulu.</p> <p>(c) Mesyuarat mengambil maklum pelan tindakan penemuan NCR akan dihantar kepada pihak Juruaudit SIRIM selewat-lewatnya pada 26 Jun 2018 (1 bulan selepas Mesyuarat Penutupan Audit) dan bukti tindakan pembetulan selewat-lewatnya pada 24 Ogos 2018 (3 bulan selepas Mesyuarat Penutupan Audit).</p> <p>(d) Mesyuarat meminta PTJ yang terlibat dengan penemuan OFI supaya mengambil tindakan penghantaran maklum balas kepada pihak urusetia CQA sebagaimana berikut:</p> <p>(i) Maklum balas tindakan OFI selewat-lewatnya pada 3 Julai 2018; dan</p> <p>(ii) Bukti tindakan OFI selewat-lewatnya pada 4 Disember 2018.</p> <p>40.3.7 Laporan Maklum Balas Tindakan NCR dan OFI Audit SIRIM Tahun 2018</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum laporan maklum balas tindakan NCR dan OFI Audit SIRIM QMS tahun 2018 adalah seperti Lampiran Agenda 4 (g) yang dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum pelan tindakan NCR telah dihantar kepada pihak SIRIM pada 8 Jun 2018 dimana maklum balas persetujuan daripada pihak Juruaudit SIRIM berkaitan</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>TWP PP, TWP PTJ yang berkenaan (Rujuk PTJ pada Lampiran Agenda 4 (f))</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
<p>Minit 40.4</p>	<p>pelan yang dikemukakan telah diterima pada 18 Jun 2018 dan bukti tindakan perlu dikemukakan sebelum atau pada 24 Ogos 2018.</p> <p>(c) Mesyuarat meminta PTJ dan Peneraju Proses berkaitan melaksanakan tindakan OFI berdasarkan pelan yang telah dikemukakan dan menghantar bukti tindakan kepada pihak urusetia CQA mengikut tempoh yang ditetapkan iaitu selewatnya pada 4 Disember 2018.</p> <p>Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013</p> <p>40.4.1 Laporan Status Pelaksanaan Perluasan Skop ISMS Tahun 2018</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum:</p> <p>(a) laporan status pelaksanaan perluasan skop penilaian pengajaran ISMS yang mula dilaksanakan bermula Mac tahun 2018 adalah seperti pada Lampiran Agenda 5 (a) yang dibentang. Ianya merangkumi maklumat ISMS berkaitan pernyataan dasar, aktiviti pengekalan pensijilan, skop pensijilan, PTJ yang terlibat, struktur organisasi, objektif keselamatan maklumat dan dokumen rujukan pelaksanaan ISMS.</p> <p>(b) meneliti dan bersetuju supaya pernyataan skop pensijilan bagi proses penilaian pengajaran ditambahbaik kepada 'Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Proses Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti'. Perkara ini bagi memastikan pelaksanaan yang lebih jelas di peringkat Peneraju/ PTJ. Skop ini tidak termasuk proses pra universiti, program pengajian jarak jauh, program eksekutif dan siswazah.</p>	<p>TWP PP, TWP PTJ yang berkenaan</p> <p>Makluman</p> <p>TWP ISMS, KBPKP</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(c) mengambil maklum dan perhatian bahawa satu slot program kesedaran ISMS akan dilaksanakan kepada PTJ yang terlibat bagi memastikan tahap kesedaran pekerja PTJ berkaitan pelaksanaan ISMS dapat ditingkatkan.</p> <p>40.4.2 Laporan Pencapaian Objektif ISMS (Januari hingga Jun 2018)</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum:</p> <p>(a) laporan pencapaian objektif ISMS bagi tempoh Januari hingga Jun 2018 adalah sepertimana Lampiran Agenda 5 (b) yang telah dibentang.</p> <p>(b) mengambil maklum tiga (3) objektif mencapai sasaran, satu (1) belum dapat diukur dan satu (1) belum lengkap sepenuhnya berdasarkan data pencapaian bagi tempoh Januari hingga Jun 2018.</p> <p>(c) meneliti dan bersetuju supaya objektif keenam iaitu 'Memastikan pelajar yang membuat penilaian merupakan pelajar berdaftar dalam Sistem Maklumat Pelajar (eSMP) dan <i>Graduate Information Management System (iGIMS)</i>' dipinda kepada 'Memastikan pelajar yang membuat penilaian merupakan pelajar berdaftar dalam Sistem Maklumat Pelajar (eSMP)'. Perubahan ini mengambilkira persetujuan terkini berkaitan skop penilaian pengajaran yang hanya melibatkan proses prasiswazah di Fakulti.</p> <p>40.4.3 Perubahan Isu Dalam dan Isu Luaran yang Memberi Kesan Kepada Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum:</p> <p>(a) bagi tahun 2018, salah satu isu dalam yang memberi kesan terhadap pelaksanaan ISMS adalah berkaitan penggunaan kad maya Putra Virtual ID (Putra VID) sebagai identiti pengenalan pelajar menggantikan penggunaan kad pelajar sediaada. Cadangan penggunaan kad maya ini telah diluluskan oleh Mesyuarat</p>	<p>KBPKP</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>TWP ISMS, KBPKP</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>Jawatankuasa Pengurusan Universiti Kali ke-636 pada 27 Februari 2018. Perincian mengenainya adalah sepertimana pada Lampiran Agenda 5 (c).</p> <p>(b) kad pengenalan identiti pelajar secara maya di atas talian dengan penggunaan satu aplikasi berasaskan persekitaran smartphone dan web, yang dilengkapi dengan sistem kawalan pengenalan identiti menggunakan teknologi QRCode. Ianya bertujuan untuk membantu pelajar untuk menguruskan pengenalan diri semasa berinteraksi dengan semua kemudahan kampus seperti capaian aplikasi ICT, penggunaan kemudahan infrastruktur, kehadiran, pembayaran, pengesahan warga universiti dan sebagainya.</p> <p>(c) penggunaan Putra VID telah mula digunakan bagi pendaftaran pelajar baharu Program Asasi Pertanian pada 1 Jun 2018 dan juga untuk kemasukan pelajar baharu Prasiswazah Kampus Serdang dan Bintulu bagi sesi kemasukan 2018/2019.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
	<p>40.4.4 Laporan Penilaian Risiko dan Kawalan Pelan Pemulihan Risiko Keselamatan Maklumat Tahun 2018</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum laporan penilaian risiko dan kawalan pelan pemulihan risiko keselamatan maklumat bagi semakan Januari 2018 adalah seperti pada Lampiran Agenda 5 (d) yang dibentang. Pemilihan kawalan dalam pemulihan risiko adalah berdasarkan cadangan kawalan keputusan penilaian risiko sama ada mengurangkan, memindahkan, menerima atau mengelakkan.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum terdapat sebanyak 913 aset telah dinilai dengan jumlah ancaman sebanyak 1327. Hasil penilaian mendapati tiada aset berisiko tinggi, 146 aset berisiko sederhana dan 1181 aset berisiko rendah.</p> <p>(c) Mesyuarat mengambil perhatian berhubung bilangan tahap risiko dan punca dominan yang dikenapasti, kawalan sediaada dan pelan</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>pemulihan risiko yang digunakan oleh peneraju ISMS dalam menyediakan perlindungan terhadap risiko berkenaan.</p> <p>40.4.5 Laporan Dokumentasi ISMS</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum laporan dokumentasi ISMS adalah sepertimana Lampiran Agenda 5 (e) yang telah dibentang yang merangkumi perkara berikut:</p> <p>(i) Cadangan pindaan/tambahan dokumen; dan</p> <p>(ii) Pewujudan Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Tahun 2018 bagi menggantikan Manual Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum pindaan ke atas dokumentasi ini adalah berdasarkan cadangan penambahbaikan hasil semakan dokumentasi ISMS bagi memantapkan lagi dokumentasi sediaada supaya lebih mudah, ringkas dan patuh keperluan Standard ISMS yang ditetapkan.</p> <p>(c) Mesyuarat mengambil maklum terhadap pindaan pada dokumentasi Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat MS ISO/IEC 27001:2013 yang melibatkan:</p> <p>(i) Manual Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (UPM/ISMS/PGR/MP); dan</p> <p>(ii) <i>Statement of Applicability (SOA)</i> (UPM/ISMS/SOK/SOA).</p> <p>(d) Mesyuarat bersetuju meluluskan semua cadangan pindaan dokumen skop pengurusan ISMS dan akan mula dikuatkuasakan pada 13 Julai 2018.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>PKD</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p data-bbox="395 230 1190 264">40.4.6 Laporan Pelaksanaan Semakan Kendiri ISMS</p> <p data-bbox="528 309 683 342">Mesyuarat:</p> <p data-bbox="528 383 1262 678">(a) mengambil maklum semakan kendiri ISMS pertama kali diadakan pada tahun 2018 melibatkan semua peneraju pasukan ISMS dan PTJ/entiti sokongan ISMS bermula 8 Mei hingga awal Jun 2018 (tarikh sebenar pelaksanaan ditentukan oleh PTJ). Perincian berkaitan pelaporan adalah sepertimana Lampiran Agenda 5(f).</p> <p data-bbox="528 719 1262 864">(b) mengambil maklum antara penemuan hasil laporan yang dikemukakan oleh Peneraju Pasukan ISMS/ PTJ sokongan ISMS adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="611 904 1262 976">(i) keperluan pindaan/pemantapan pada dokumentasi ISMS peneraju; <li data-bbox="611 1010 1262 1115">(ii) keperluan semakan kepada rekod penyelenggaraan peralatan rangkaian dan keselamatan; <li data-bbox="611 1149 1262 1220">(iii) keperluan semakan kepada keadaan Fizikal Pusat Data; <li data-bbox="611 1254 1262 1359">(iv) kawalan ke atas satu ID pekerja SMP boleh digunakan pada pelbagai peranti secara serentak; <li data-bbox="611 1393 1262 1574">(v) mempercepatkan kaedah pengesahan bayaran melalui JomPAY melalui salinan bukti bayaran yang dihantar oleh pelajar bagi mengatasi kelewatan pengesahan statement oleh pihak bank; <li data-bbox="611 1608 1262 1753">(vi) cadangan pengasingan fail permohonan ID e-Klinik khusus untuk Pegawai Perubatan (FMS) memandangkan mereka sentiasa bertukarganti; <li data-bbox="611 1787 1262 1921">(vii) pembaharuan surat pelantikan kepada pemegang kunci bilik simpanan laporan pemeriksaan kesihatan dan bilik simpanan sementara; dan 	<p data-bbox="1310 383 1469 416">Makluman</p> <p data-bbox="1310 719 1469 752">Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(viii) mewujudkan prosedur perlepasan kad pelajar yang telah dicetak tetapi tidak dituntut oleh pelajar baharu di kolej-kolej kediaman.</p> <p>(c) mengambil perhatian supaya peneraju proses yang terlibat mengambil tindakan ke atas penemuan semakan sendiri ISMS masing-masing sebagai persediaan menghadapi Audit Dalaman ISMS yang akan bermula pada 17 hingga 19 Julai 2018.</p> <p>40.4.7 Laporan Pemantauan Penutupan Penemuan Audit Dalaman ISMS</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum laporan pemantauan penutupan Audit Dalaman ISMS bagi tahun 2017 adalah seperti pada Lampiran Agenda 5 (g) yang dibentang.</p> <p>(b) mengambil maklum audit yang dijalankan pada 5 hingga 8 Jun 2017 telah mencatatkan sebanyak 13 Laporan Ketakakuran (NCR) dan 13 Peluang Penambahbaikan (OFI).</p> <p>(c) mengambil maklum pemantauan bagi penutupan penemuan audit dalaman dibuat melalui 2 saluran:</p> <p>(i) pemakluman dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti secara berkala dan dijadikan sebagai agenda; dan</p> <p>(ii) emel pelaksanaan tindakan kepada semua Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) dan Timbalan Penyelaras Audit (TPAD).</p> <p>(d) meminta PTJ melaksana tindakan bagi tujuan penutupan penemuan audit dalaman 2017 melalui PortalCQA dan melaporkan status penemuan secara berkala dalam Mesyuarat Pengurusan PTJ bagi memastikan NCR yang sama tidak berulang.</p>	<p>TWP PTJ (Peneraju Proses ISMS)</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>TWP PTJ yang terlibat</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>40.4.8 Cadangan Pelaksanaan Audit Dalaman ISMS Tahun 2018</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum cadangan pelaksanaan Audit Dalaman Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) yang merangkumi tarikh audit, nama Ketua dan Timbalan Ketua Juruaudit, bilangan Juruaudit Dalaman, skop audit dan PTJ yang terlibat adalah sepertimana Lampiran Agenda 5 (h) yang dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum dan perhatian bahawa Audit Dalaman ISMS telah dijadualkan pada 17 hingga 19 Julai 2018 dan akan diketuai oleh Tuan Sayid Mohamad Nazari Sayid Ismail daripada Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi.</p> <p>40.4.9 Persediaan Audit SIRIM ISMS Tahun 2018</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum Audit Pensijilan Semula SIRIM Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) akan dilaksanakan pada 2 September 2018 (audit lokasi semasa hari pendaftaran pelajar baharu prasiswazah) dan 1 hingga 2 Oktober 2018. Perincian mengenai persediaan audit ini adalah sepertimana Lampiran Agenda 5(i) yang telah dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat meminta PTJ yang terlibat melaksanakan tindakan bagi Peluang Penambahbaikan (OFI) yang dilaporkan semasa Audit SIRIM tahun 2017 kerana keberkesanan tindakan OFI berkenaan akan disemak oleh Juruaudit semasa audit SIRIM tahun 2018 dan seterusnya menghantar bukti tindakan OFI sebelum atau pada tarikh akhir yang ditetapkan iaitu 30 Ogos 2018 ke Pusat Jaminan Kualiti.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>TWP TNCAA , TWP iDEC, TWP UPMKB, TWP Pej. Pendaftar, TWP CQA</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN																								
Minit 40.5	<p data-bbox="395 232 1257 300">Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) MS ISO 14001:2015</p> <p data-bbox="395 344 1257 412">40.5.1 Laporan Status Pelaksanaan Peralihan ISO 14001:2015</p> <p data-bbox="528 421 683 454">Mesyuarat:</p> <p data-bbox="528 495 1257 640">(a) mengambil maklum laporan status pelaksanaan peralihan ISO 14001:2015 adalah sepertimana Lampiran Agenda 6(a) yang telah dibentang.</p> <p data-bbox="528 667 1257 768">(b) mengambil maklum antara aktiviti peralihan yang telah/akan dilaksanakan pada tahun 2018 adalah:</p> <table border="1" data-bbox="608 808 1257 1827"> <thead> <tr> <th data-bbox="608 808 799 842">Tarikh</th> <th data-bbox="799 808 1257 842">Aktiviti</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="608 842 799 909">2 & 5 Mac 2018</td> <td data-bbox="799 842 1257 909">Bengkel Semakan dan Pengemaskinian Dokumen EMS</td> </tr> <tr> <td data-bbox="608 909 799 976">22-23 Mac 2018</td> <td data-bbox="799 909 1257 976"><i>Training of Trainers</i> Fasilitator EMS</td> </tr> <tr> <td data-bbox="608 976 799 1155">Mac 2018</td> <td data-bbox="799 976 1257 1155">Semakan dan Kemaskini: <ul style="list-style-type: none"> • Daftar Aspek Impak • Senarai Legal Terpakai • <i>Checkpoint</i> bagi Penilaian Kepatuhan </td> </tr> <tr> <td data-bbox="608 1155 799 1223">April 2018</td> <td data-bbox="799 1155 1257 1223">Siri <i>Awareness</i> MS ISO 14001:2015</td> </tr> <tr> <td data-bbox="608 1223 799 1290">5-6 Jun 2018</td> <td data-bbox="799 1223 1257 1290">Latihan Juruaudit Dalam UPM/PTJ</td> </tr> <tr> <td data-bbox="608 1290 799 1357">10 Julai 2018</td> <td data-bbox="799 1290 1257 1357">Semakan Kendiri EMS PTJ/Peneraju</td> </tr> <tr> <td data-bbox="608 1357 799 1424">23-26 Julai 2018</td> <td data-bbox="799 1357 1257 1424">Audit Dalam EMS</td> </tr> <tr> <td data-bbox="608 1424 799 1491">7 Ogos 2018</td> <td data-bbox="799 1424 1257 1491">Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan EMS</td> </tr> <tr> <td data-bbox="608 1491 799 1603">Ogos 2018</td> <td data-bbox="799 1491 1257 1603">Pemahaman Pelaksanaan EMS kepada Peneraju dan PTJ dalam Skop</td> </tr> <tr> <td data-bbox="608 1603 799 1715">12-14 September 2018</td> <td data-bbox="799 1603 1257 1715">Audit Pemantauan Semakan 1 SIRIM EMS</td> </tr> <tr> <td data-bbox="608 1715 799 1827">18 September 2018</td> <td data-bbox="799 1715 1257 1827">Bengkel Pemurnian Pelan Tindakan Laporan Penemuan Audit SIRIM EMS</td> </tr> </tbody> </table>	Tarikh	Aktiviti	2 & 5 Mac 2018	Bengkel Semakan dan Pengemaskinian Dokumen EMS	22-23 Mac 2018	<i>Training of Trainers</i> Fasilitator EMS	Mac 2018	Semakan dan Kemaskini: <ul style="list-style-type: none"> • Daftar Aspek Impak • Senarai Legal Terpakai • <i>Checkpoint</i> bagi Penilaian Kepatuhan 	April 2018	Siri <i>Awareness</i> MS ISO 14001:2015	5-6 Jun 2018	Latihan Juruaudit Dalam UPM/PTJ	10 Julai 2018	Semakan Kendiri EMS PTJ/Peneraju	23-26 Julai 2018	Audit Dalam EMS	7 Ogos 2018	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan EMS	Ogos 2018	Pemahaman Pelaksanaan EMS kepada Peneraju dan PTJ dalam Skop	12-14 September 2018	Audit Pemantauan Semakan 1 SIRIM EMS	18 September 2018	Bengkel Pemurnian Pelan Tindakan Laporan Penemuan Audit SIRIM EMS	<p data-bbox="1305 495 1469 528">Makluman</p> <p data-bbox="1305 667 1469 701">Makluman</p>
Tarikh	Aktiviti																									
2 & 5 Mac 2018	Bengkel Semakan dan Pengemaskinian Dokumen EMS																									
22-23 Mac 2018	<i>Training of Trainers</i> Fasilitator EMS																									
Mac 2018	Semakan dan Kemaskini: <ul style="list-style-type: none"> • Daftar Aspek Impak • Senarai Legal Terpakai • <i>Checkpoint</i> bagi Penilaian Kepatuhan 																									
April 2018	Siri <i>Awareness</i> MS ISO 14001:2015																									
5-6 Jun 2018	Latihan Juruaudit Dalam UPM/PTJ																									
10 Julai 2018	Semakan Kendiri EMS PTJ/Peneraju																									
23-26 Julai 2018	Audit Dalam EMS																									
7 Ogos 2018	Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan EMS																									
Ogos 2018	Pemahaman Pelaksanaan EMS kepada Peneraju dan PTJ dalam Skop																									
12-14 September 2018	Audit Pemantauan Semakan 1 SIRIM EMS																									
18 September 2018	Bengkel Pemurnian Pelan Tindakan Laporan Penemuan Audit SIRIM EMS																									

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(c) mengambil perhatian perkara yang perlu diambil tindakan oleh semua TWP PTJ sebagaimana berikut:</p> <p>(i) Penggunaan Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar bagi menggantikan Manual Pengurusan Alam Sekitar; dan</p> <p>(ii) <i>Gap Analysis</i> MS ISO 14001:2015 (keperluan tambahan yang perlu dilaksanakan berdasarkan standard versi 2015)</p> <p>40.5.2 Laporan Pencapaian Objektif EMS (Januari hingga Jun 2018)</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum:</p> <p>(a) laporan pencapaian objektif EMS bagi tempoh Januari hingga Jun 2018 serta senarai PTJ yang terlibat adalah sepertimana Lampiran Agenda 6 (b) yang telah dibentang.</p> <p>(b) objektif EMS dibangunkan hasil daripada penilaian aspek impak alam sekitar yang signifikan. Daftar Aspek Impak telah disemak dan ditambahbaik dan berkuatkuasa pada 24 Mac 2017.</p> <p>(c) bermula Julai 2017, Objektif EMS telah ditambahbaik berdasarkan kepada perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Terpakai kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling sahaja; dan • Penilaian impak (kebarangkalian berlaku pencemaran, darjah kerosakan kepada alam sekitar dan kepentingan kepada organisasi) adalah 'H' (tinggi/high). <p>(d) bagi tempoh Januari hingga Jun 2018, sebanyak dua (2) objektif EMS mencapai sasaran yang ditetapkan, satu (1) tidak mencapai sasaran dan tiga (3) objektif lagi menunjukkan data analisis yang tidak menyeluruh/ tidak tepat/tidak berkaitan sebagaimana perincian dalam Lampiran Agenda 6(b).</p>	<p>TWP PTJ, TWP Peneraju dalam Skop EMS</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(e) mengambil maklum tindakan pembetulan bagi objektif EMS tahun 2017 sedang dilaksanakan bagi memastikan pencapaian objektif EMS tahun 2018 mencapai sasaran.</p> <p>(f) mengambil perhatian objektif pengendalian kemudahan mencemar ke udara mengikut perundangan yang ditetapkan untuk <i>boiler</i> hanya akan diukur bagi tempoh Julai hingga Disember 2018 menggunakan <i>checkpoint</i> pematuhan <i>Environment Quality (Clean Air) Regulations 2014</i> yang akan ditambahbaik oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang.</p> <p>(g) meminta Peneraju EMS dan PTJ dalam skop EMS mengambil perhatian berhubung laporan pencapaian Objektif EMS yang tidak menyeluruh (penjimatan penggunaan kertas) dan memohon tindakan PTJ untuk menghantar laporan pencapaian kepada peneraju supaya analisis yang tepat dapat dilaporkan.</p>	<p>Makluman</p> <p>TWP FSTM</p> <p>TWP FBMK, TWP FK, TWP FPAS, TWP FP, TWP FPV, TWP FRSB, TWP FS, TWP FSTM, TWP PASP, TWP TPU, TWP UPMKB</p>
	<p>40.5.3 Laporan Penilaian Kepatuhan Perundangan</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum laporan penilaian kepatuhan perundangan EMS bagi tahun 2018 adalah sepertimana Lampiran Agenda 6(c) yang dibentang.</p> <p>(b) mengambil maklum penilaian kepatuhan EMS tahun 2016 dan 2017 tidak merangkumi keseluruhan senarai undang-undang dan keperluan lain yang digunapakai di UPM dimana hanya 10 daripada 35 undang-undang dan keperluan lain yang dinilai sebagaimana catatan laporan peluang penambahbaikan (OFI) semasa Audit Pensijilan Semula EMS Tahun 2017. Daripada penilaian berkenaan, UPM mematuhi lima (5) daripada tujuh (7) pada tahun 2016 manakala bagi tahun 2017 UPM patuh tiga (3) daripada sembilan (9) undang-undang dan keperluan lain.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(c) mengambil maklum Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Kepatuhan (JKPK) Bil 1/2018 pada 20 Februari 2018 telah meluluskan sebanyak 22 senarai undang-undang dan keperluan lain bagi kepatuhan Sistem Pengurusan Alam Sekitar UPM sebagaimana perincian dalam Lampiran Agenda 6(c).</p> <p>(d) mengambil perhatian penilaian kepatuhan yang menyeluruh berdasarkan undang-undang dan keperluan lain yang terpakai di UPM akan dilaksanakan mengikut fasa bagi tempoh tiga (3) tahun (2018 - 2020) berikutan kekangan sumber (sumber manusia, kewangan dan infrastruktur) untuk melaksanakan penilaian di peringkat Peneraju dan Urusetia JKPK. Pembahagian fasa dan undang-undang lain yang terlibat adalah sebagaimana perincian dalam Lampiran Agenda 6(c).</p> <p>40.5.4 Laporan Dokumentasi EMS</p>	<p>Makluman</p> <p>TWP EMS, TWP PTJ Peneraju EMS</p>
	<p>(a) Mesyuarat mengambil maklum laporan dokumentasi EMS adalah sepertimana Lampiran Agenda 6 (d) yang telah dibentang yang merangkumi perkara berikut:</p> <p>(i) Cadangan pindaan/tambahan dokumen; dan</p> <p>(ii) Pewujudan Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) Tahun 2018 bagi menggantikan Manual Sistem Pengurusan Alam Sekitar.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum pindaan ke atas dokumentasi ini adalah berdasarkan cadangan penambahbaikan hasil semakan dokumentasi EMS bagi memantapkan lagi dokumentasi sedia ada supaya lebih mudah, ringkas dan patuh keperluan Standard EMS yang ditetapkan.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(c) Mesyuarat mengambil maklum terhadap pindaan pada dokumentasi Sistem Pengurusan Alam Sekitar MS ISO 14001:2015 yang melibatkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Manual Sistem Pengurusan Alam Sekitar (UPM/ISO/EMS/MK); (ii) Prosedur Pengenalpastian Penilaian Aspek dan Impak Alam Sekitar (UPM/ISO-EMS/P001); (iii) Prosedur Undang-undang dan Keperluan Lain (UPM/ISO-EMS/P002); (iv) Prosedur Penilaian Kepatuhan (UPM/ISO-EMS/P007); (v) Prosedur Pengukuran dan Pemantauan Alam Sekitar (UPM/ISO-EMS/P009); dan (vi) Garis Panduan Pengukuran dan Pemantauan Alam Sekitar Terhadap Pematuhan Perundangan (UPM/ISO-EMS/ PPKK/GP01/ Pengukuran Alam Sekitar). <p>(d) Mesyuarat bersetuju meluluskan semua cadangan pindaan dokumen skop pengurusan dan akan mula dikuatkuasakan pada 13 Julai 2018.</p>	<p>Makluman</p> <p>PKD</p>
	<p>40.5.5 Laporan Pelaksanaan Semakan Kendiri EMS</p> <p>Mesyuarat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) mengambil maklum cadangan pelaksanaan semakan kendiri Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) adalah sepertimana Lampiran Agenda 6(e) yang dibentang. Bermula tahun 2018, semakan kendiri EMS telah dijadualkan secara terancang sepertimana Takwim Aktiviti Kualiti UPM Tahun 2018. (b) Semakan kendiri EMS ISO 14001 perlu dilaksana oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) sebagai persediaan menghadapi Audit Dalaman EMS yang akan dilaksanakan pada 23 hingga 26 Julai 2018. (c) mengambil maklum tarikh semakan kendiri yang dijadualkan pada 25 hingga 27 Julai 2018 sebagaimana Takwim Aktiviti Kualiti UPM 	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>2018 telah dipinda mulai 10 Julai 2018 dengan penggunaan Senarai Semak Pelaksanaan Semakan Kendiri.</p> <p>(d) meminta semua PTJ melaksanakan semakan berdasarkan perkara utama yang perlu difokuskan sebagaimana yang dinyatakan dalam senarai semak dan melaksanakan tindakan penambahbaikan atau kawalan ketakakuran bagi tindakan yang belum atau tidak dilaksanakan sebagaimana yang dinyatakan dalam senarai semak berkenaan.</p>	<p>TWP PTJ Peneraju EMS</p>
	<p>40.5.6 Cadangan Pelaksanaan Audit Dalam EMS Tahun 2018</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum cadangan pelaksanaan Audit Dalam Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) yang merangkumi tarikh audit, nama Ketua dan Timbalan Ketua Juruaudit, bilangan Juruaudit Dalam, skop audit dan PTJ yang terlibat adalah sepertimana Lampiran Agenda 6 (f) yang dibentang.</p> <p>(b) mengambil maklum dan perhatian bahawa Audit Dalam EMS telah dijadualkan pada 23 hingga 26 Julai 2018 dan akan diketuai oleh Encik Allan Lajot daripada Fakulti Pertanian.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
	<p>40.5.7 Persediaan Audit SIRIM EMS Tahun 2018</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum Audit Pemantauan Semakan 1 Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) akan dilaksanakan pada 12 hingga 14 September 2018 dan tarikh ini merupakan tarikh baharu berbanding tarikh asal yang dijadualkan sebelum ini iaitu pada 3 hingga 5 September 2018. Perincian mengenai persediaan audit ini adalah sepertimana Lampiran Agenda 6(g) yang telah dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum audit pada kali ini merupakan audit kali pertama menggunakan Standard MS ISO 14001: 2015 (versi baharu). Pemakluman rasmi akan dibuat setelah mendapat surat notifikasi daripada pihak SIRIM yang merangkumi senarai pasukan audit yang terlibat.</p>	<p>Makluman</p> <p>PAD</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
<p>Minit 40.6</p>	<p>(c) Mesyuarat meminta PTJ yang terlibat melaksanakan tindakan bagi Peluang Penambahbaikan (OFI) yang dilaporkan semasa Audit SIRIM tahun 2017 kerana keberkesanan tindakan OFI berkenaan akan disemak oleh Juruaudit semasa audit SIRIM tahun 2018 dan seterusnya menghantar bukti tindakan OFI sebelum atau pada tarikh akhir yang ditetapkan iaitu 30 Ogos 2018 ke Pusat Jaminan Kualiti.</p>	<p>TWP Pejabat Pendaftar , TWP PNC (PPKKP), TWP PPUU, TWP PPPA, TWP TPU, TWP CQA</p>
	<p>Hal-hal Lain</p> <p>40.6.1 Poster Hebahan Aktiviti Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM Tahun 2018</p>	
	<p>(a) Mesyuarat mengambil maklum berkaitan Poster Aktiviti dan Hadiah/Anugerah Sempena Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM Tahun 2018 yang akan diadakan pada 2 November 2018 sepertimana pada Lampiran Agenda 7 (a) yang dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil perhatian berhubung cadangan supaya tarikh HKIP diawalkan ke tarikh 1 November 2018 memandangkan tarikh konvokesyen pihak swasta yang telah digabungkan bersama dengan Konvokesyen UPM pada 27 hingga 30 Oktober 2018. Mesyuarat dimaklum perkara ini akan diteliti kembali mengambilkira kesesuaian tarikh pihak YBhg. Datin Paduka Naib Canselor UPM.</p> <p>(c) Mesyuarat meminta semua TWP menggunakan poster ini sebagai salah satu bentuk hebahan aktiviti HKIP kepada semua pekerja di PTJ masing-masing.</p>	<p>Makluman</p> <p>KBPKP</p> <p>TWP PP, TWP PTJ</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>40.6.2 Pemantauan Pelaksanaan Amalan Kualiti Persekitaran Tempat Kerja (5S/EKSA) UPM</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum dan meneliti Laporan Pemantauan Pelaksanaan Amalan Kualiti Persekitaran Tempat Kerja (5S/EKSA) UPM tahun 2018 sebagaimana Lampiran Agenda 7 (b) yang telah dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat meminta semua TWP PTJ mengambil perhatian dan tindakan berhubung pelaksanaan tindakan bagi penyertaan Anugerah Kualiti Persekitaran Tempat Kerja (5S/EKSA) sempena HKIP 2018 sebagaimana berikut:</p> <p>(i) tempoh bagi pelaksanaan penilaian sendiri 5S/EKSA PTJ bermula 16 Julai hingga 31 Ogos 2018;</p> <p>(ii) penilaian sendiri 5S/EKSA wajib dilaksanakan oleh penilai 5S/EKSA luar PTJ;</p> <p>(iii) menggunakan kriteria penilaian 5S/EKSA yang dipautkan dalam Portal e-ISO UPM; dan</p> <p>(iv) memastikan penghantaran borang pengesahan dan laporan penilaian sendiri 5S/EKSA dibuat tidak lewat daripada 3 September 2018 kepada pihak urusetia di CQA.</p>	<p>Makluman</p> <p>TWP PP, TWP PTJ</p>
<p>Minit 40.7</p>	<p>Penangguhan Mesyuarat</p> <p>Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua ahli mesyuarat yang hadir ke mesyuarat kali ini.</p> <p>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.50 tengahari dengan bacaan Tasbih Kaffarah dan Surah Al-Asr.</p>	<p>Makluman</p>

SENARAI KEHADIRAN

Tarikh : 10 Julai 2018 (Selasa)
Masa : 9.00 Pagi
Tempat : Dewan Senat, Tingkat 1, Bangunan Canselori Putra,
Universiti Putra Malaysia (UPM)

Kehadiran

BIL.	NAMA	JAWATAN/PTJ
1.	Prof. Dr. Amin bin Ismail	Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti/ Pengerusi Mesyuarat
2.	Dr. Mariani Ho Nyuk Onn @ Ariffin	TWP EMS/ Fakulti Pengajian Alam Sekitar
3.	Tuan Haji Rosdi bin Wah	TWP (PP) Pej. TNC (Akademik dan Antarabangsa)
4.	Puan Siti Rozana binti Supian	TWP (PP) Pej. TNC (Jaringan Industri dan Masyarakat)
5.	Puan Zainaf binti Udin	TWP (PP) Sekolah Pengajian Siswazah
6.	Puan Hajjah Izariahwati binti Mohd Isa	TWP (PP) Pejabat Bursar
7.	Encik Ahmad Nizam bin Abdullah	TWP (PP) Pusat Pembangunan Akademik
8.	Encik Rosmi bin Othman	TWP (PP) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi
9.	Encik Mohd Fuad bin Mahmood	TWP (PP) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset
10.	Encik Roslan bin Parjo	TWP(PTJ) Pusat Kesihatan Universiti
11.	DSP/PB Ahmad Razei bin Abu Bakar	TWP (PP) Bahagian Keselamatan Universiti
12.	Encik Mohd Junaidi bin Haji Yasin	TWP (PP) Kolej Kediaman
13.	Tuan Haji Abdul Ghafar bin Othman	TWP (PP) Taman Pertanian Universiti
14.	Tuan Haji Abd. Razak bin Ahmad	TWP (PP) Penerbit
15.	Cik Syaakiratul Hasanah binti Rossidi	TWP (PTJ) Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa
16.	Puan Saliza binti Mustafa	TWP (PTJ) Pusat Antarabangsa
17.	Encik Amiruddin bin Abdul Aziz	TWP (PTJ) Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
18.	Encik Noor Mohamad bin Shakil Hameed	TWP (PTJ) Fakulti Kejuruteraan
19.	Puan Fairuz Bawaze'er binti Muchtar	TWP (PTJ) Fakulti Sains
20.	Encik Nasrudin bin Yahya	TWP (PTJ) Fakulti Ekologi Manusia

BIL.	NAMA	JAWATAN/PTJ
21.	Puan Zenaida binti Zenon	TWP (PTJ) Fakulti Rekabentuk dan Senibina
22.	Encik Suhaifi bin Sulaiman	TWP (PTJ) Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul
23.	Puan Juita binti Md Tahir	TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Alam Sekitar
24.	Encik Mhd. Hussin bin Abd. Rahim	TWP (PTJ) Institut Biosains
25.	Encik Din bin Ayub	TWP (PTJ) Institut Teknologi Maju
26.	Puan Farah Deena binti Zainol	TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia
27.	Puan Nurul Hidayah binti Samadi	TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Matematik
28.	Puan Wan Nahariah binti Wan Tahir	TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Produk Halal
29.	Cik Aidawati binti Ramali	TWP (PTJ) Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan
30.	Encik Zamre bin Yaacob	TWP (PTJ) Institut Pengajian Sains Sosial
31.	Puan Rina Mazni binti Musa	TWP (PTJ) Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan
32.	Encik Mohd Faiz bin Zakaria	TWP (PTJ) Institut Kajian Perladangan
33.	Cik Nor Azizah binti Tamsi	Penyelaras Latihan Staf (PLS), Pejabat Pendaftar
34.	Cik Norzaina binti Darus	Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU), Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi
35.	Dr. Mohd Rafee bin Baharudin	Peneraju EMS, Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
36.	Puan Noorizai binti Haji Mohamad Noor	Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan (KBPKP) Pusat Jaminan Kualiti
37.	Puan Nurhanisah binti Sadun	Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Akademik dan Akreditasi (KBPKAA) Pusat Jaminan Kualiti
38.	Puan Rozi binti Tamin	Penyelaras Audit Dalam (PAD) Pusat Jaminan Kualiti
39.	Puan Shamriza binti Shari	Pegawai Kawalan Dokumen (PKD) Pusat Jaminan Kualiti

Turut Hadir

BIL.	NAMA	JAWATAN/PTJ
1.	Puan Nurainakmal binti Kamal Bahrin	Wakil TWP (PP) Pejabat Naib Canselor
2.	Puan Zaimawati binti Mustapa	TWP(PP) Pej. TNC (Penyelidikan dan Inovasi)
3.	Encik Kamarulnizam bin Kamal	Wakil TWP (PP) Pej. TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

BIL.	NAMA	JAWATAN/PTJ
4.	Cik Nur Fazrina binti Ismail	Wakil TWP (PP) Pejabat Pendaftar
5.	Puan Morni Yati binti Ibrahim	Wakil TWP (PP) Perpustakaan Sultan Abdul Samad
6.	Puan Siti Razimah binti Mohd Noor	Wakil TWP (PP) Perpustakaan Sultan Abdul Samad
7.	Encik Allan Lajot	Wakil TWP (PTJ) Fakulti Pertanian
8.	Encik Jamaluddin bin Yatim	Wakil TWP (PTJ) Fakulti Perhutanan
9.	Encik Md Nizam bin Mahat	Wakil TWP (PTJ) Fakulti Sains dan Teknologi Makanan
10.	Puan Che Tom binti Md Noh	Wakil TWP (PTJ) Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
11.	Puan Syifarida binti Muhamad Zaki	Wakil TWP (PTJ) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
12.	Encik Mohd Fauzi bin Mohd Yusof	Wakil TWP (PTJ) Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
13.	Puan Siti Nadirah binti Mat Na'ain	Wakil Pegawai Rekod Jabatan Universiti (PRJU), Pejabat Pendaftar
14.	Puan Siti Fatimah binti Hasim	Pusat Jaminan Kualiti
15.	Puan Nor Afida binti Miskam	Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
16.	ASP/PB Ibrahim bin Hassan	Bahagian Keselamatan Universiti

Tidak Hadir (dengan kenyataan)

BIL.	NAMA	JAWATAN/PTJ
1.	Encik Mohd. Faizal bin Daud	TWP ISMS/ Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi
2.	Encik Mohd. Nazri bin Md. Yasin	TWP (PP) Pejabat Naib Canselor
3.	Encik Shahrman bin Hashim	TWP(PP) Pej. TNC (Penyelidikan dan Inovasi)
4.	Encik Nazri bin Noh	TWP (PP) Pej. TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
5.	Tuan Haji Amran bin Zakaria	TWP (PTJ) Pusat Asasi Sains Pertanian
6.	Puan Nor Adida binti Ab Khalid	TWP (PP) Pejabat Pendaftar
7.	Encik Muzaffar Shah bin Kassim	TWP (PP) Perpustakaan Sultan Abdul Samad
8.	Encik Mohd Khairul bin Zainal Abidin	TWP (PP) Pusat Kebudayaan dan Kesenian SSAAS
9.	Encik Taib bin Othman	TWP (PP) Pusat Islam
10.	Encik Ludinata bin Misnun	TWP (PP) Fakulti Perubatan Veterinar

BIL.	NAMA	JAWATAN/PTJ
11.	Encik Muhamad Adil bin Ahmad Tajuddin	TWP (PP) Pejabat Penasihat Undang-Undang
12.	Encik Mohd Zamanu Al-Mohtadi bin Ekhwan	TWP (PTJ) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset
13.	Puan Zuraidah binti Ahmad	TWP (PTJ) Fakulti Pertanian
14.	Encik Mohd Sopian bin Mohd Zin	TWP (PTJ) Fakulti Perhutanan
15.	Encik Mohd Pauzi bin Abdul Karim	TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Pendidikan
16.	Puan Sarah Salwah binti Adnan	TWP (PTJ) Fakulti Sains dan Teknologi Makanan
17.	Puan Salinah binti Junid	TWP (PTJ) Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
18.	Tuan Haji Mohd. Aris Fadzillah bin Abdullah	TWP (PTJ) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
19.	Puan Wan Azma binti Wan Mohd Zin	TWP (PTJ) Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
20.	Encik Sudirman bin Asmadi	TWP (PTJ) Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, UPMKB
21.	Puan Nor Baizura binti Zamri	TWP (PTJ) Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan
22.	Encik Muhazam bin Mansor	Pegawai Rekod Jabatan Universiti (PRJU), Pejabat Pendaftar